



2 September 2021
2 September 2021
P.U. (A) 349

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH CUKAI JUALAN (PENGENAAN CUKAI JUALAN BERKENaan DENGAN KAWASAN KHAS) (PINDAAN) 2021

SALES TAX (IMPOSITION OF SALES TAX IN RESPECT OF SPECIAL AREAS) (AMENDMENT) ORDER 2021

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI JUALAN 2018

PERINTAH CUKAI JUALAN (PENGENAAN CUKAI JUALAN BERKENAAN DENGAN KAWASAN KHAS) (PINDAAN) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 57

Akta Cukai Jualan 2018 [*Akta 806*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Jualan (Pengenaan Cukai Jualan berkenaan dengan Kawasan Khas) (Pindaan) 2021**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 3 September 2021.

Pindaan perenggan 2

2. Perintah Cukai Jualan (Pengenaan Cukai Jualan berkenaan dengan Kawasan Khas) 2018 [P.U. (A) 207/2018] dipinda dalam perenggan 2 dengan menggantikan subperenggan (1) dengan subperenggan yang berikut:

“(1) Cukai jualan hendaklah dikenakan dan dilevikan pada kadar yang ditetapkan di bawah subseksyen 10(2) Akta—

(a) ke atas barang-barang yang dinyatakan dalam Jadual A yang diimport atau diangkut ke dalam suatu zon bebas, gudang berlesen, atau gudang pengilangan berlesen untuk digunakan atau diguna pakai di dalam suatu zon bebas, gudang berlesen, atau gudang pengilangan berlesen itu;

(b) ke atas wain, spirit, bir, minuman keras malta, tembakau dan hasil tembakau yang diimport atau diangkut ke dalam Kawasan Bebas Cukai Tasik Kenyir;

- (c) jika barang bercukai yang diimport atau diangkut ke dalam suatu zon bebas selain zon bebas yang dibenarkan oleh Menteri di bawah seksyen 6A Akta Zon Bebas 1990 [Akta 438] bagi tujuan pengeksportan semula adalah barang yang berikut:
- (i) rokok;
 - (ii) produk tembakau;
 - (iii) paip tembakau (termasuk kepala paip);
 - (iv) rokok elektronik dan peranti pengewapan elektrik peribadi yang serupa;
 - (v) sediaan yang digunakan untuk merokok melalui rokok elektronik dan peranti pengewapan elektrik, dalam bentuk cecair atau gel, yang tidak mengandungi nikotin; atau
- (d) jika barang bercukai itu diimport atau diangkut ke dalam suatu zon bebas yang dibenarkan oleh Menteri di bawah seksyen 6A Akta Zon Bebas 1990 adalah barang yang berikut:
- (i) rokok;
 - (ii) produk tembakau;
 - (iii) paip tembakau (termasuk kepala paip);
 - (iv) rokok elektronik dan peranti pengewapan elektrik peribadi yang serupa;